

## **Kedudukan Dan Peranan Akal Di Sisi Ahli Tasawuf**

### ***Position And Role Of Intellect Insight of Sufism***

Abd Rahman Tajudin

#### **ABSTRAK**

*Artikel ini membincangkan tentang persoalan dan kedudukan akal di sisi ahli tasawuf. Hal ini kerana terdapat pandangan yang mengatakan bahawa ahli tasawuf menolak peranan akal sebaliknya hanya mementingkan perasaan semata-mata. Maka artikel ini cuba mengenalpasti tentang adakah wujud peranan akal di sisi ahli-ahli tasawuf atau sebaliknya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisa kandungan. Kajian mendapati bahawa kebanyakan ahli tasawuf sebelum memasuki alam kerohanian, mereka menggunakan akal. Setelah itu bertukar penggunaan hati dan perasaan namun tidak meninggalkan peranan akal. Ia jelas bahawa akal tetap menempati kedudukan yang penting di dalam ilmu tasawuf, namun peranannya tidak setinggi dan setaraf dengan peranan hati dalam kosmologi ahli tasawuf. Implikasinya menyebabkan perlu gabungan antara hati dan akal dalam pencarian ilmu. Kajian diharap dapat memberikan pencerahan kepada masyarakat Islam agar tidak menjauhi ilmu tasawuf yang kononnya menolak akal semata-mata disebabkan hanya tenggelam di dalam dunia kerohanian. Sekaligus artikel ini menyatakan dengan jelas penggunaan akal dan hati wujud di dalam dunia tasawuf.*

**Kata kunci:** Kedudukan, Peranan, Akal, Tasawuf

#### **ABSTRACT**

*This article discusses the issue and reasonable position of intellect of the head in Sufis. This is because there is an interpretation that says that Sufis reject the role of the head's intellect and depends entirely on intellect of heart. Therefore, this article is attempting to understand whether the part of the intellect of the head is existed in Sufis. This study is a qualitative study using content analysis approach. The study found that most Sufis use the intellect of the head before entering the spiritual realm. Then shift to the use of the heart and feelings without leaving the role of the head. It is clear that the head remains occupied an important position in mysticism, but its role is not as high and equivalent to the role of the heart in cosmology of the Sufism. Thus, the implication requires a combination of heart and head in the journey for knowledge. This study is expected to offer enlightenment to the Muslim community not to reject mysticism because of being used up entirely in the world of spirituality. Therefore, this article clearly states use head's intellect and intellect of heart in the world of Sufism.*

**Keywords:** Position, Role, Intellect, Sufism

## Pengenalan

Akal mempunyai peranan yang sangat penting dalam kehidupan insan. Di dalam mengungkapkan sesuatu hakikat kejadian yang melingkari kehidupan insan, akal dianggap sebagai alat yang mempunyai kemampuan dalam hal tersebut. Melalui konsep pemikiran akal, kajian eksperimental yang menggunakan akal, melakukan pengulangan rujukan ilmiah melalui logik akal, maka tersangat jelas bahawa akal mampu menerangkan berkenaan hakikat kewujudan. Akal mampu membicarakan tentang hakikat Allah, manusia, alam, zat dan mauduk-nya. Namun pada sisi pandangan golongan tasawuf, pandangan mereka mengenai akal terdapat perbezaan. Ahli tasawuf berpandangan bahawa akal mempunyai sisi kelemahan di dalam mengungkapkan suatu hakikat. Sebagai menampung kekurangan dan kelemahan tersebut, ahli tasawuf menawarkan satu alat untuk mencari kebenaran dan mencapai suatu hakikat iaitu melalui hati (*qalb*) bagi menggantikan akal. (Mahjuddin 2016)

## Definisi Akal

Akal dalam bahasa Yunani disebut *nous* atau *logos* atau *intellect* dalam Bahasa Inggeris yang bermaksud daya fikir yang terdapat dalam otak, sedangkan “hati” adalah daya jiwa (*nafs natiqah*). Daya jiwa berfikir yang ada pada otak di kepala disebut akal. Sedangkan yang ada pada hati di dada disebut rasa (*zawq*). Oleh itu antara ahli falsafah dan ahli tasawuf ada dua dimensi yang digunakan dalam mendapatkan suber pengetahuan, iaitu pengetahuan akal (*ma’rifat ‘aqliyyah*) dan pengetahuan hati (*ma’rifat qalbiyyah*). Maka jelas daripada dua dimensi ini bahawa ahli falsafah mengangkat kedudukan pengetahuan akal, manakala di sisi ahli tasawuf mengangkat kedudukan pengetahuan hati (*zawq*). (Ahmad Tafsir 2014)

## Akal Di Sisi Ahli Tasawuf

Abd Allah al-Harith bin Asad al-Basri al-Muhasibi (w.859) sebelum memasuki ruang tasawuf, beliau bergiat aktif di dalam perbincangan ilmu kalam yang menggunakan akal fikiran sebagai sumber pengetahuan. Pada era beliau, telah berlaku perkembangan ilmu kalam dalam pemikir-pemikir Islam. al-Muhasibi sempat mendalami pemikiran aliran Muktazilah yang menggunakan akal di dalam memahami agama dan mencari kebenaran. Namun setelah meneliti ucapan para ahli tasawuf yang zuhud seperti Abu Said Al-Hasan bin Abi Al-Hasan Yassar al-Basri (w.729) dan Abu Eshaq Ebrahim ibn Adham (w.782) beliau telah mengalih metode di dalam memahami kebenaran dan hakikat dengan memasuki ruang tasawuf yang menggunakan hati dan perasaan. Di dalam Kitab *al-Muqaddimah* karya Ibn Khaldun (t.th: 78) menyatakan bahawa al-Muhasibi mendalami ilmu kalam sehingga mahir dengan menggunakan kemampuan akalnya, kemudian berpindah mendalami ilmu batin yang menggunakan penyucian hati di dalam memahami hakikat. al-Muhasibi tidak meninggalkan penggunaan akal secara total kerana beliau tidak menafikan penggunaan logic dalam perkara-perkara tertentu adalah diperlukan. Ini jelas apabila beliau menerangkan tentang makna perasaan sedih. Beliau berkata “*rasa sedih itu terdapat pelbagai jenis ; rasa sedih kerana kehilangan sesuatu ; rasa sedih kerana khuatir ; rasa sedih kerana merindui yang diharapkan namun tidak tercapai; dan rasa sedih kerana telah menyimpang dari ajaran Allah*” (as-Asmaran 2002). Berdasarkan kata-kata tersebut jelas menunjukkan bahawa walaupun al-Muhasibi telah meninggalkan ilmu kalam yang kebiasaannya menggunakan akal, namun beliau menyatupadukan penggunaan akal dan hati.

Abu Al-Qasim Al-Junayd bin Muhammad Al-Junayd Al-Khazzaz Al-Qawariri (w.279) yang digelar sebagai Syeikh at-Ta’fah iaitu Imam Kaum Sufi telah dinyatakan oleh Al-Imam Al-’Allamah Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad (w.1463) sebagai:

“*Seandainya akal itu berbentuk manusia, dia itu adalah Junayd al-Baghdadi*”. Ungkapan ini menunjukkan bahawa ahli tasawuf tidaklah menolak akal sepenuhnya, tetapi tidak menjadikannya sebagai satu-satunya cara memahami sesuatu kebenaran. Hal ini kerana mereka lebih mengutamakan pembersihan hati di dalam mengungkapkan kebenaran dan hakikat. Menurut al-Junayd, tasawuf adalah usaha akal manusia untuk memahami realiti melalui ungkapan pengalaman keagamaan yang bersifat subjektif untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t dengan menitikberatkan perasaan hati. (Muhammad Salikin 2009:29)

‘Abd al-Karim ibn Hawazin ibn ‘Abd al-Malik al-Qushayri (w.1073) menggunakan pendekatan akal di dalam menentang aliran Muktazilah, Karamiyah, Mujassamah dan Syiah. Kupasan ilmiahnya itu telah menyebabkan al-Qushayri pernah dimasukkan ke dalam penjara selama sebulan lebih, atas perintah Taghrul Bek, kerana hasutan seorang menteri yang beraliran Muktazilah iaitu Abu Nasr Muhammad ibn Manshur al-Kunduri. Diskusi ilmiahnya dengan menggunakan pendekatan akal telah meletakkan al-Qushayri sebagai tokoh ilmuan yang menguasai pelbagai bidang.

Pada peringkat awal al-Qushayri mengutamakan aspek akal. Namun setelah beliau bertemu dengan bertemu Syeikh Abu ‘Ali Hasan ibn ‘Ali an-Naisaburi (w.567), yang lebih dikenal dengan panggilan al-Daqqaq, beliau perlahan-lahan meninggalkan pencarian ilmu berupa matematik dan logik. Pertemuan itu mengisahkan kekaguman al-Qushayri pada pernyataan-pernyataan al-Daqqaq, lantas beliau pun memilih jalan tarikat dengan belajar dari al-Daqqaq. Bermula dari sinilah, al-Qushayri mengenal tasawuf yang mengutamakan penyucian hati. al-Daqqaq merupakan guru pertama al-Qushayri dalam bidang tasawuf. Maka dari sisi al-Qushayri ini menunjukkan bahawa kebanyakan ahli sufi bermula dari menggunakan akal fikiran di dalam pencarian hakikat kehidupan, lantas meninggalkannya kerana dilihat tidak mampu mengungkapkan sesuatu hakikat sebenar. Maka akal di sisi tasawuf tidak sama tarafnya dengan hati yang diletakkan di tempat yang tinggi. Akal hanyalah permulaan sahaja, namun hati adalah alat terakhir dan mutlak untuk digunakan di dalam memahami hakikat. (al-Qushayri 1982)

Menurut ahli falsafah, akal sahaja yang mampu mencapai kedudukan tertinggi melalui akal perolehan (*‘aql mustafad*). Dengan akal, ia dapat mengenali kebahagiaan dan memandu untuk berusaha memperolehnya. Pada mereka, hanya akal sahaja yang dapat menjadikan hati dan jiwa kekal merasa kebahagiaan (syurga). Sebaliknya, jika akal berpaling daripada mengenali dan mendapatkan kebahagiaan, maka ia akan menjadikan hati dan jiwa merasa kesengsaraan. (Ahmad 2014)

Menurut Abu Nasir Muhammad bin al-Farakh al-Farabi (w.950), akal yang tidak sempurna dan tidak mengenal kebahagiaan menyebabkan jiwa turut sama merasa tidak bahagia dan tiada ketenangan. Ini berbeza dengan pendapat ahli falsafah yang mengatakan akal tidak mempengaruhi jiwa dan perasaan. Hal ini kerana kesempurnaan manusia menurut ahli falsafah terletak pengetahuan akal dalam mengetahui dan memperoleh kebahagiaan atau kesengsaraan. (Fakhry 2001)

Sebagai lawannya, ahli tasawuf menyatakan bahawa hati atau sukma (*qalb*) sebenarnya mampu mencapai kebahagiaan yang hakiki. Ini bertepatan dengan hadis yang menyatakan bahawa jika hati baik, maka baiklah keseluruhan badan manusia. Hakikat ini telah diperingatkan oleh Nabi s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud: “*Ketahuilah sesungguhnya di dalam jasad manusia terdapat segumpal daging. Jika baik segumpal daging itu, akan baiklah jasad keseluruhannya dan jika ia rosak, akan rosaklah jasad keseluruhannya. Ketahuilah Segumpal daging yang aku maksudkan itu ialah hati*”. (al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Fadl Man Istabra’ Dinihi)

Adapun yang dimaksudkan dengan hati di sini adalah hati dalam erti yang halus iaitu hati nurani – daya fikir jiwa (*nafs nathiqah*) yang ada pada hati di rongga dada. Dan daya berfikir inilah yang disebut sebagai rasa (*dhauf*), yang memperoleh sumber pengetahuan hati

(*ma'rifat qalbiyyah*). Dalam kaitan ini Allah s.w.t. berfirman: “Mereka mempunyai hati, tetapi tidak digunakan untuk memahaminya.” (Surah al-A'raf 179)

Dari huraian di atas, dapat kita ambil kesimpulan bahawa menurut ahli falsafah dan ahli tasawuf Islam, hakikat manusia itu adalah jiwa yang berfikir (*nafs insaniyyah*), tetapi mereka berbeza pendapat pada cara mencapai kesempurnaan manusia. Bagi ahli falsafah, kesempurnaan manusia diperoleh melalui pengetahuan akal (*ma'rifat aqliyyah*), sedangkan ahli tasawuf melalui pengetahuan hati (*ma'rifat qalbiyyah*). Akal dan hati sama-sama merupakan daya berfikir untuk mendapatkan hakikat kebenaran. (al-Kurdi 2004)

Menurut ahli tasawuf, hati nurani merupakan wadah atau sumber makrifat – suatu alat untuk mengetahui hal-hal yang Ilahi bukanlah dengan menggunakan akal fikiran. Hal ini boleh dicapai jika hati telah bersih dari pencemaran hawa nafsu dengan latihan berterusan seperti menggantikan sifat yang tercela dengan akhlak yang terpuji, zuhud bertaqwa, warak sentiasa berzikir. Dengan demikian, ilmu *ladunni* (ilmu Allah) akan sampai dalam hatinya dan menjadi sumber dalam mengenal Allah. Dengan demikian, jalan utama ahli tasawuf adalah melalui moral dan akhlak. (Ibn 'Arabi 2004)

Kesempurnaan hakikat manusia (*nafs insaniyyah*) ditentukan oleh hasil perjuangan antara hati yang bersih dan hati yang kotor. Inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah s.w.t: “*Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang menyucikan jiwanya, dan rugilah orang yang mengotorinya*”. (Surah al-Shams ayat 8-9)

Hati nurani bagaikan cermin, sementara pengetahuan adalah pantulan gambar realiti yang terdapat di dalamnya. Jika cermin hati nurani tidak bersih, hawa nafsunya yang akan tumbuh. Sementara ketaatan kepada Allah serta berpaling dari tuntutan hawa nafsu yang menjadikan hati nurani bersih dan cemerlang serta mendapatkan limpahan cahaya dari Allah s.w.t. (al-Ghazali 2001b)

Bagi ahli tasawuf seperti Imam Muhammad Bin Muhammad Bin Muhammad Abu Hamid Al-Ghazali (w.505), Allah s.w.t. melimpahkan cahaya pada dada seseorang, bukanlah kerana dia mempelajarinya, mengkajinya, ataupun menulis buku, tetapi dengan bersikap menjauhi godaan duniawi, menghindarkan diri dari hal-hal yang berkaitan dengannya, membebaskan hati nurani dari godaan dunia, dan menerima Allah s.w.t. sepenuh hati. Dan barang siapa memiliki Allah nescaya Allah adalah miliknya. Setiap hikmah muncul dari hati nurani, dengan keteguhan beribadat, tanpa belajar, tetapi melalui pancaran cahaya dari ilham Ilahi. Maka jelas dari sini ahli tasawuf lebih mementingkan pembersihan hati di dalam mengungkapkan hakikat, bukan hanya menggunakan akal semata mata.

Hati yang kotor (*dhulmani*) sering dikaitkan dengan jiwa tumbuhan (*nafs nabati*) dan jiwa tumbuhan (*nafs hewani*). Itulah sebabnya manusia sering tergoda untuk mengikuti hawa nafsunya. Kesempurnaan manusia (*nafs nathiqah*), tergantung pada kemampuan hati-nurani dalam pengendalian dan kawalan hati *dhulmani*. (al-Ghazali 2001b)

Akal dipandang sebagai pengelola (*mudabbir*) yang dapat mengendalikan hal ehwal nafsu sehingga nafsu tersebut boleh membantu (bukannya menghalangi) pertumbuhan spiritual atau rohani seseorang, al-Ghazali (2001a) menganalogikan akal sebagai wazir yang perintah-perintahnya harus diikuti oleh nafsu sama ada nafsu syahwat dan nafsu marah (*ghadabiyyah*). Hati adalah intuisi. Hati juga dikaitkan oleh Imam al-Ghazali sebagai “Raja” yang memperkerjakan akal sebagai wazirnya, dengan nafsu syahwat dan marah (*ghadabiyyah*). Jadi hati inilah yang sebenarnya menentukan kebijakan dan tujuan hidup manusia, sedangkan akal dan nafsu sebagai para pelaksana dan bawahan yang diharapkan dapat melaksanakan tugasnya dengan baik dan mencapai tujuan hidupnya.

Adapun tentang keunggulan dan kekurangan dari ketiga alat pengetahuan ini, al-Ghazali (2001b) juga menulis dalam kitabnya *al-Munqidz min al-Dhalal*, sebagai berikut: “Pada tahap awal kita akan mengira bahawa pancaindera adalah satu-satunya alat pengetahuan yang akan membawa kita kepada kepastian dan kebenaran. Bukankah kita yakin

bahawa gelas yang ada di hadapan kita ini betul-betul ada kerana penglihatan dan sentuhan membuktikan kewujudannya? Dan kerana itu tidak ada sedikit pun keraguan tentang kewujudannya? Inilah antara lain keunggulan pancaindera berbanding dengan yang lain kerana kita yakin apabila mengalaminya secara langsung. Tetapi pancaindera juga mempunyai batasan. Umpamanya penglihatan sukar untuk melihat pergeseran bayangan benda yang terkena sinar matahari. Walaupun demikian kita yakin bahawa ia bergeser, kerana ketika petang hari ia condong ke timur, padahal sebelumnya ia condong ke Barat. Ini bererti bahawa perubahan itu ada, bagaimanapun sukar dikesan oleh pandangan mata zahir. Demikian juga ketika melihat bintang di langit. Bintang-bintang kelihatan kecil sedangkan saiz sebenarnya adalah lebih besar daripada matahari. Oleh kerana itu pada satu peringkat tertentu kita sendiri merasa ragu terhadap kemampuan pancaindera sebagai sumber pengetahuan. Di sinilah titik kelemahan pancaindera.”

Apabila al-Ghazali (2001a) mulai memberi perhatian kepada akal, maka beliau menyedari kelebihan akal berbanding pancaindera. Beliau mengatakan bahawa “*akal lebih berhak disebut sebagai cahaya berbanding pancaindera*”. Cahaya dimaksudkan di sini sebagai suatu medium yang bukan sahaja sifatnya terang tetapi dapat menjadikan sesuatu yang gelap atau samar-samar kepada terang dan jelas. Perumpamaan ini boleh dilihat dalam melihat bentuk bulan. Walaupun seseorang melihat bulan dalam tempoh yang singkat, akal dapat menyimpulkan bahawa bulan adalah berbentuk sfera sekalipun apabila hanya dapat melihat sebahagian daripada bulan tersebut.

Walaubagaimanapun akal juga tidak sunyi daripada kelemahan. Kelemahan akal nyata apabila ia mengikuti kecenderungan pemikiran yang sangat subjektif. Maka, kebenaran yang didapati oleh akal bersifat tidak objektif dan tidak fokus. Akibatnya, wujud banyak perbezaan dari para pemikir sama ada ahli teologi mahupun ahli falsafah. Maka kebenaran akal menjadi kebenaran yang relatif sebagaimana ketika bermimpi dirasakan ia sedang benar-benar berlaku.

## Kesimpulan

Penggunaan akal sering menjadi perbahasan dan perdebatan oleh segenap pihak termasuklah para ahli tasawuf. Dengan menggunakan akal dapat membantu untuk memahami dan menyelesaikan sesuatu persoalan. Bagaimanapun akal tidak terlepas daripada kelemahan. Ahli tasawuf memahami akan permasalahan ini lantas memberikan alternatif untuk menaik taraf penggunaan akal dengan cara mengiri proses berfikir dengan pembersihan hati (*tazkiyah an-nafs*) untuk mengungkapkan sesuatu hakikat.

## Rujukan

- Ahmad Tafsir. 2014. *Filsafat Umum – Akal dan Hati Sejak Thales Sampai Capra*. Indonesia: PT Remaja Rosdakarya.
- al-Asmaran. 2002. *Pengantar Studi Tasawwuf*. Jakarta : PT RajaGrafindo Persada.
- al-Buti. 2003. *al-Hikam al-Ata'iyah Syarah wa Tahlil*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali. 2001a. *al-Munqiz min al-Dalal*. Bayrut: Dar al-Andalus
- al-Ghazali. 2001b. *Ihya' Ulum al-Din*. Bayrut: Dar al-Kutub 'Ilmiyyah
- al-Kurdi, Muhammad Amin. 2004. *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalah 'Allam al-Ghuyub*. Bayrut: Dar al-Fikr
- al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Mawqif al-Islam Min al-Ilham wa al-Kashf wa Ru'ya*, Qahirah: Maktabah Wahbah.

- al-Qatani, Abd al-Hafiz Ali Faraghli. t.th. *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti.
- al-Qushayri, Zain al-Din. 1703H. *al-Risalah al-Qushayriyyat*. Qahirah: Dar Jawami' Kalam.
- al-Shafi'i, Hasan. 2007. *Fi al-Tasawuf al-Islami*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Amin Syukur. 2012. *Intelektualisme Tasawuf: Studi Intelektualisme Tasawuf al-Ghazali*. Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Fakhry, Majid. 2001. *al-Farabi: Founder of Islamic Neoplatonism*. London: One World Publication.
- Hawwa', Sa'id. 1986. *Muzakirat fi Manazil al-Siddiqin wa al-Rabbaniyyin*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Ibn 'Arabi, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn al-'Arabi al-Hatimi al-Ta'i. 2004. *Tarjuman al-Ashwaq*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun . t.th. *al-Muqaddimah*. Bayrut: Maktbah al-'Asriyyah.
- Mahjuddin, 2016. *Pendidikan Hati: Kajian Tasawuf Amali*. t.tp: t.pt.
- Muhammad Salikin. 2009. *17 Jalan Menggapai Mahkota Sufi Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jaylani*. Yogyakarta: Mutiara Media.
- Said Aqil Siroj. 2006. *Tasawuf Sebagai Kritik Sosial*. t.tp: Mizan.